



17 APR, 2024

Fokus mantapkan kerjasama agensi kawal sempadan

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Fokus mantapkan kerjasama agensi kawal sempadan

Alor Setar: Kerjasama erat antara agensi keselamatan dalam melaksanakan kawalan dan operasi bersepadu dapat memastikan keselamatan di sempadan antarabangsa Malaysia-Thailand terus terpelihara, sekali gus menjamin keselamatan negara.

Pengarah Keselamatan Majlis Keselamatan Negara (MKN) Kedah, Zuraini Mohd Yusof, berkata kerjasama itu sangat penting memandangkan negeri ini mempunyai keluasan sempadan yang agak besar dengan negara jiran.

“Keselamatan di sempadan itu menjadi keutamaan kita (MKN). Memang kita sasar untuk capai sifar pencerobohan walaupun susah nak realisasikan, tapi kita beri keutamaan supaya dapat meminimumkan pencerobohan daripada berlaku.

“MKN menyelaras operasi menyeluruh melibatkan agensi keselamatan di negara kita,

kolaborasi antara jabatan terutama agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Perdana Menteri sendiri sangat baik,” katanya di sini, baru-baru ini.

Zuraini berkata kerjasama rapat termasuk melibatkan Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, polis dan pasukan tentera yang bersama-sama melaksanakan kawalan keselamatan ketika ini berjaya meminimumkan kes melibatkan keselamatan di sempadan Malaysia-Thailand di negeri ini.

Zuraini berkata MKN Kedah sememangnya memberi fokus utama berkaitan keselamatan sempadan di negeri ini yang mempunyai pintu masuk sempadan di darat, laut dan udara.

Beliau berkata walaupun jumlah kes pencerobohan membabitkan pendatang tanpa izin di negeri ini masih minimum, namun usaha membanteras ak-



Kerjasama rapat melaksanakan kawalan keselamatan berjaya meminimumkan kes melibatkan keselamatan di sempadan. (Foto hiasan)

tiviti itu dan jenayah lain yang mengancam keselamatan negara perlu sentiasa dipertingkatkan.

Dalam pada itu, beliau menegaskan rakyat juga perlu sentiasa diberi kesedaran berkenaan ancaman keselamatan dan boleh memainkan peranan untuk membanteranya serta tidak meletakkan tanggungjawab itu

kepada agensi kerajaan semata-mata.

“Setiap daripada kita mempunyai tanggungjawab untuk menjaga keselamatan negara dan kami percaya kesedaran ini perlu dipupuk daripada awal iaitu di peringkat sekolah, termasuk di peringkat institusi pengajian tinggi,” katanya.

BERNAMA



17 APR, 2024

Fokus mantapkan kerjasama agensi kawal sempadan

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Alor Setar: Kerjasama erat antara agensi keselamatan dalam melaksanakan kawalan dan operasi bersepadu dapat memastikan keselamatan di sempadan antarabangsa Malaysia-Thailand terus terpelihara, sekali gus menjamin keselamatan negara. Pengarah Keselamatan Majlis Keselamatan Negara (MKN) Kedah, Zuraini Mohd Yusof, berkata kerjasama itu sangat penting memandangkan negeri ini mempunyai keluasan sempadan yang agak besar dengan negara jiran. “Keselamatan di sempadan itu menjadi keutamaan kita (MKN).